

0 7 3 3

U 8005 D E B

MAHATHIR - PENGARAH

(I)

KUALA LUMPUR, 27 DIS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENJADI PENGARAH FILEM HARI INI, MENGELUARKAN ARAHAN +LIGHT, CAMERA, ACTION+ BAGI SATU ADEGAN 10 MINIT UNTUK SEBUAH FILEM TERBITAN FILEM NEGARA.

PERDANA MENTERI DIBANTU DALAM TUGAS ITU OLEH TIDAK LAIN DARIPADA ISTERINYA, DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH, SEBAGAI PENOLONG PENGARAH BAGI ADEGAN ITU.

ACARA ITU IALAH SEBAHAGIAN DARIPADA PERAYAAN SEMINGGU DI ANGKASAPURI SEMENA MINGGU PENYIARAN DAN PENERANGAN YANG DILANCARKAN OLEH PERDANA MENTERI SEBELUM ITU.

KETUA PENGARAH FINAS, ENCIK ZAIN HAMZAH TERDAHULU DARIPADA ITU MENGHADIAHKAN KERUSI PENGARAH KEPADA DATUK SERI DR MAHATHIR DAN KERUSI PENOLONG PENGARAH KEPADA DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH.

DENGAN DIBANTU OLEH PENGARAH TERKENAL, OTHMAN HAFSHAM, DAN SAMBIL MEMEGANG SKRIP FILEM, DATUK SERI DR MAHATHIR TERUS MENJALANKAN TUGASNYA MEMBERI ARAHAN KEPADA PELAKON VETERAN, HAJI ROOMAINOOR BAGI ADEGAN ITU. -- LAGI.

1732MST 27 12 87

U 8006 DEB

MAHATHIR - PENGARAH 2 KUALA LUMPUR

+SCENE NINE TAKE ONE+, JERIT PENOLONG PENGARAH, DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH SELEPAS DATUK SERI DR MAHATHIR MENGELUARKAN ARAHAN +LIGHT, SOUND AND CAMERA+.

TIDAK PUAS HATI DENGAN DIALOG, DATUK SERI DR MAHATHIR MENJERIT +CUT+ DAN MENGARAHKAN ADEGAN ITU DI FILEM KEMULU.

PENGARAH HANYA MEMBERI REHAT SELEPAS BERPUAS HATI DENGAN ADEGAN ITU.

PERDANA MENTERI YANG DIIRINGI OLEH MENTERI PENERANGAN, DATUK MOHAMED RAHMAT KEMUDIAN MELAWAT PAMERAN OLEH PELBAGAI JABATAN DI BAWAH KEMENTERIAN ITU, YANG TERMASUK JUGA, BERNAMA.

KETUA PENGARANG EERNAMA ENCIK AHMAD REJAL ARBEE TERDAHULU DARIPADA ITU MENGHADIAHKAN ALBUM YANG MENGANDUNGI GAMBAR PERDANA MENTERI SEJAK BELIAU MEMEGANG JAWATAN PADA TAHUN 1981, YANG DIAMBIL OLEH BERNAMA. -- LAGI.

1738MST 27 12 07

U 8007 DEB

MAHATHIR - PENGARAH 3 KUALA LUMPUR

SEMENA PERAYAAN ITU, PERDANA MENTERI JUGA MELANCARKAN LOGO BARU RTM.

BELIAU JUGA MENYAKSIKAN PERTUNJUKAN KONSERT 90 MINIT OLEH ARTIS POPULAR TEMPATAN DAN UNDANGAN DI AUDITORIUM BESAR RTM.

BEKAS MENTERI PENERANGAN DATUK SENU ABDUL RAHMAN MENJADI TETAMU KHAS PADA UPACARA PERASMIAN ITU. -- BERNAMA.

1741MST 27 12 87